

Headline	Berkawan dengan buaya sejak usia 9 tahun		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	13 Apr 2024	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	140,000
Page No	12	Readership	420,000
Language	Malay	ArticleSize	440 cm ²
Journalist	NOR FARHANA YAACOB	AdValue	RM 9,328
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,984



Bangbuaya sering ikut bapa ke Taman Buaya Ayer Keroh ketika di bangku sekolah lagi

Berkawan dengan buaya sejak usia 9 tahun

Oleh NOR FARHANA YAACOB
MELAKA

Sawal usia sembilan tahun dia telah didedahkan dengan pelbagai jenis spesies buaya hingga mendapat jolokan panggilan Putera Buaya pada tahun 1999. Pengalaman yang diperoleh dari zaman kanak-kanak itu membuatkan Saifullah Muhammad Sarath, 34, atau lebih dikenali menerusi akaun TikTok

'Bangbuaya' kini bekerja sebagai penjaga haiwan di Taman Buaya dan Rekreasi Melaka.

Saifullah berkata, ketika di bangku sekolah dia sering mengikut bapanya, Muhammad Sarath Abdullah, 63, yang bekerja sebagai Pengurus Operasi Taman Buaya ke lokasi pelancongan tersebut sekali gus memberi ruang untuk dia lebih mendekati reptilia pemangsa berkenaan.

Menurutnya, hinggalah satu ketika, kedatangan pengunjung ke taman buaya itu mengalami

penurunan dan dengan sukarela dia dilatih membuat persembahan bersama buaya untuk menarik kehadiran orang ramai.

Katanya, dengan usia yang masih muda, dia teruja membuat persembahan dan pelbagai aksi di khalayak ramai termasuk berdiri, baring dan duduk di atas haiwan tersebut yang lebih besar saiznya dari saiz fizikal badannya ketika itu.

"Sepanjang membuat latihan timbul rasa sayang pada seekor buaya yang dinamakan Mat Ali dan beberapa tahun berlatih bersama haiwan itu mati.

"Dia dah macam rakan karib saya dan disebabkan terlalu sedih kehilangan teman baik saya mengambil keputusan untuk tidak lagi bermain dengan buaya dan memberikan perhatian kepada pelajaran," katanya ketika ditemui di Taman Buaya dan Rekreasi di Ayer Keroh.

Bapa kepada tiga orang anak itu berkata, selepas tamat pengajian di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) beberapa tahun kemudian dia ditawarkan menjadi penjaga haiwan di taman berkenaan dan mengakui hampir kesemua buaya mempunyai nama panggilan masing-masing.



Saifullah sedang beraksi dengan seekor buaya yang terdapat di Taman Buaya dan Rekreasi Ayer Keroh, Melaka.

Ujarnya, dengan kemudahan teknologi dia mengambil peluang merakamkan aktiviti bersama buaya dan ia secara tidak langsung memberi pengetahuan kepada penonton mengenai reptilia itu seperti cara mengutip telur, beri makan buaya, pancaindera buaya dan sebagainya.

Katanya, buaya yang merupakan haiwan purba di zaman dinosaur dan masih hidup hingga sekarang sering digambarkan sebagai haiwan ganas dan pembunuh namun haiwan itu juga

mempunyai keistimewaan dan kelebihan untuk diterokai.

"Apabila saya buat video atau siaran langsung di media sosial, dapatlah saya berkongsi ilmu dan memberi pendidikan untuk penonton lebih mengenali haiwan itu dan menambahkan informasi.

"Walaupun ada antara buaya itu dilihat jinak, namun saya sentiasa berhati-hati kerana pekerjaan ini sentiasa berdepan risiko diserang haiwan itu jika salah taktiknya," katanya.



Gambar kenangan Saifullah membuat persembahan bersama buaya yang dinamakan Mat Ali.